

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. Peraduan "**WAVE & WIN MyDebit Je with your ATM Card!**" ["**Peraduan**"] ini dianjurkan bersama oleh MYNEWS RETAIL SDN BHD (No. Syarikat.: 199401020616 (306295-X)) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat.: 200801035403 (836743-D)) ["**PayNet**"] (dirujuk secara kolektif sebagai "**Pihak Penganjur**").
2. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang memegang kad Mesin Pengeluaran Wang Automatik ["**ATM**"] MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Malaysia dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah layak untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini ["**Peserta**"]. Peserta juga mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia, tidak dormant dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan hadiah.
 - Peringkat 1: Pembayaran minimum sebanyak RM15 dan ke atas menggunakan kad ATM MyDebit di mana-mana cawangan myNEWS layak mendapat maksimum 1 penyertaan untuk 1 (satu) resit;
 - Peringkat 2: Ahli myNEWS yang membuat pembelian minimum sebanyak RM15 dan ke atas menggunakan Kad ATM MyDebit di mana-mana cawangan myNEWS layak mendapat maksimum 2 penyertaan untuk 1 (satu) resit;
3. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
 - Wakil, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau ejen promosi bagi Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan

4. Peraduan ini akan berlangsung dari **1 Jun 2021 sehingga 31 Ogos 2021 11:59 PM** (Waktu Malaysia) ("**Tempoh Peraduan**").
5. Sebarang penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.

6. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan Harian dan Mingguan adalah akan ditolak. Sebagai contoh: slip transaksi bertarikh **1 Jun 2021** (Minggu 1 di dalam Tempoh Peraduan Harian dan Mingguan) mestilah di hantar pada atau sebelum **7 Jun 2021**. Slip transaksi tersebut tidak akan layak untuk penyertaan Tempoh Peraduan Harian dan Mingguan yang seterusnya [**"Tempoh Peraduan Harian dan Mingguan"**].
7. Jadual Hadiah [**"Tempoh Peraduan Harian dan Mingguan"**]:
 - i. **Minggu 1: 1 Jun – 7 Jun 2021 (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - ii. **Minggu 2: 8 Jun - 14 Jun 2021 (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - iii. **Minggu 3: 15 Jun – 21 Jun 2021; (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - iv. **Minggu 4: 22 Jun – 28 Jun 2021; (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - v. **Minggu 5: 29 Jun – 5 Julai 2021; (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - vi. **Minggu 6: 6 Julai – 12 Julai 2021; (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - vii. **Minggu 7: 13 Julai – 19 Julai 2021; (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - viii. **Minggu 8: 20 Julai – 26 Julai 2021; (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - ix. **Minggu 9: 27 Julai - 2 Ogos 2021; (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - x. **Minggu 10: 3 Ogos - 9 Ogos 2021; (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - xi. **Minggu 11: 10 Ogos - 16 Ogos 2021; (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - xii. **Minggu 12: 17 Ogos - 23 Ogos 2021; (1 hadiah mingguan + 7 hadiah harian)**
 - xiii. **Minggu 13: 24 Ogos - 31 Ogos 2021; (1 hadiah mingguan + 8 hadiah harian)**
8. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlaknyanya.
9. Pembelian minimum bernilai **RM15** dan ke atas (kecuali untuk pembelian prabayar "prepaid Top Up" dan pembayaran bil) di semua kedai myNEWS dengan menggunakan kad ATM MyDebit (secara tanpa sentuh) sebagai kaedah pembayaran, dalam Tempoh Peraduan yang ditetapkan (dengan resit transaksi yang dicetak dengan jelas) akan layak untuk menyertai dan diambil kira sebagai penyertaan yang sah di dalam Peraduan ini [**"Bukti Pembelian"**].
10. Semua pembayaran mestilah menggunakan kad ATM MyDebit (**secara tanpa sentuh**) untuk dikira sebagai penyertaan yang layak dan Bukti Pembelian mesti dihantar mengikut mana-mana kaedah penyertaan seperti dinyatakan di Klausula 11 dan dibuat dalam Tempoh Peraduan Harian dan Mingguan seperti dinyatakan di atas.

Cara Penyertaan

11. Setiap penyertaan perlu disertakan dengan satu Bukti Pembelian yang dibuat dalam Tempoh Peraduan di mana-mana kedai myNEWS melalui mana-mana satu dari cara berikut:

- **Cara Penyertaan (1): melalui WhatsApp**

- Hantar penyertaan anda melalui aplikasi WhatsApp ke nombor **+6019-914-4413** dalam format berikut:

MyDebit <jarak> Nama Penuh <jarak> Nombor Kad Pengenalan

- Peserta akan mendapat balasan mesej dengan pautan URL ke laman web Peraduan (soalan Peraduan, notis privasi) melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh 48 jam (pada hari bekerja).
 - i. Daftar/Log masuk di laman web Peraduan;
 - ii. Ambil gambar Bukti Pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;
 - iii. Jawab soalan Peraduan dan memuat naik Bukti Pembelian;
 - iv. SIMPAN: Bukti Pembelian (asal).
- Peserta akan menerima maklumbalas penerimaan dalam tempoh 48 jam selepas penghantaran.
- Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. Maklumat Peserta (mengikut kad pengenalan);
 - ii. Gambar Bukti Pembelian yang jelas.
- Dengan menghantar penyertaan dalam Peraduan ini, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini.
- Perhatian: Setiap pembelian bernilai **RM15** dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak dalam satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).

- **Cara Penyertaan (2): Melalui Imbasan Kod QR**

- Imbas kod QR dan ikuti pautan arahan penyemak imbasan ke laman web Peraduan:
 - i. Daftar/Log masuk di laman web Peraduan;
 - ii. Ambil gambar Bukti Pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;
 - iii. Jawab soalan Peraduan dan memuat naik Bukti Pembelian;
 - iv. SIMPAN: Bukti Pembelian (asal).

- o Peserta akan menerima maklumbalas penerimaan dalam tempoh 48 jam selepas penghantaran.
 - o Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. Maklumat peserta (mengikut kad pengenalan);
 - ii. Gambar Bukti Pembelian yang jelas.
 - o Dengan menghantar penyertaan dalam Peraduan ini, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini.
 - o Perhatian: Setiap pembelian bernilai **RM15** dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak dalam satu penyertaan (satu slip transaksi untuk satu pernyataan tidak kira berapa jumlah yang dibelanjakan). (Nota: nombor bersiri hanya untuk rujukan Pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).
12. Peserta boleh menghantar lebih dari SATU (1) penyertaan. Setiap SATU (1) slip transaksi (dengan pembayaran **RM15** dan ke atas menggunakan transaksi kad ATM MyDebit) layak untuk SATU (1) penyertaan sahaja dan hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peserta akan dibatalkan jika slip transaksi yang sama digunakan lebih dari SATU (1) kali.
13. Setiap Peserta (jika dipilih sebagai Pemenang) hanya layak untuk memenangi SATU (1) Hadiah Harian dan/atau SATU (1) Hadiah Mingguan dan/atau SATU (1) Hadiah Utama sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
14. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah dengan hadiah yang sama nilai atas budi bicara tunggal dan mutlaknya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Penganjur, agensi, ahli gabungan, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.
15. Peserta dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan yang sah (Kad Pengenalan Malaysia atau paspot) semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan penyertaan Peserta/Pemenang. Bukti Pembelian yang telah pudar atau rosak adalah tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.
16. Pemenang akan dipilih berdasarkan proses berikut.
- o Pemilihan Pemenang Peraduan Hadiah Harian/Mingguan: Pada setiap akhir Tempoh Peraduan Harian dan Mingguan, Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem

pemilihan automatik berdasarkan jumlah penyertaan pada hari/minggu tersebut (untuk setiap hari/minggu dalam Tempoh Perduan Harian dan Mingguan) [**“Peserta yang Terpilih HM”**].

- o Pemilihan Pemenang Hadiah Utama: Pada akhir Tempoh Perduan, Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah Penyertaan keseluruhan yang sah yang diperolehi dalam Tempoh Perduan [**“Peserta yang Terpilih HU”**].

Hadiah Perduan & Penebusan

Jenis	Hadiah	Jumlah Pemenang
Hadiah Utama	Proton X50 1.5T Executive (tidak termasuk cukai jalan, fi pendaftaran dan insurans/takaful)	1
Hadiah Mingguan	iPhone 12 Pro	13
Hadiah Harian (dalam tempoh hadiah mingguan)	Baucar tunai myNEWS bernilai RM300 setiap satu	92

- Sejumlah satu ratus enam (106) hadiah perduan untuk dimenangi.
 - Segala imej gambar hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa bahan promosi, iklan, publikasi/laman web dan bahan lain yang berkaitan dengan Perduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menggambarkan dengan hadiah sebenar yang diterima.
17. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian and kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
 18. Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh/menukar tempat bagi menuntut hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan hadiah kepada tarikh dan tempat yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
 19. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan, kos, fi atau caj yang dikenakan berkaitan dengan penebusan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.

20. Penyempurnaan hadiah adalah bergantung kepada ketersediaan hadiah. Penganjur akan memaklumkan kepada Pemenang yang dipilih dari semasa ke semasa.
21. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai Pemenang dan hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta tidak akan dilayan.
22. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta yang Terpilih (HM/HU) berdasarkan maklumat yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.
23. Selepas tamat Tempoh Peraduan, sekiranya Peserta yang Terpilih (HM/HU) tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) kali percubaan setiap hari selama tiga (3) hari berturut-turut (pada hari dan waktu bekerja, Isnin – Jumaat) atau gagal untuk menjawab soalan dengan tepat, Penganjur mempunyai hak melucutkan kelayakan Peserta yang Terpilih tersebut (HM/HU) dan Penganjur berhak untuk menghubungi Peserta yang dipilih dari cabutan rawak yang seterusnya dan mengisytiharkan Peserta yang terpilih tersebut sebagai Pemenang mengikut budi bicara mutlak pihak Penganjur.
24. Semua Pemenang mesti menuntut hadiah pada tarikh yang ditentukan Pihak Penganjur atau dalam tempoh **DUA (2) bulan** selepas dihubungi oleh pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya Pemenang (untuk Hadiah Harian/Mingguan/Hadiah Utama) gagal untuk menuntut hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah untuk menebus/menerima hadiah mereka.
25. Sekiranya Pemenang memerlukan wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, Pemenang mesti memberitahu Penganjur sekurang-kurangnya DUA (2) hari lebih awal dari tarikh penebusan seperti ditetapkan oleh Penganjur. Pemenang hendaklah mengemukakan surat kebenaran wakil yang dikeluarkan oleh Pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri sah Pemenang dan juga dokumen pengenalan diri sah untuk wakil Pemenang.

Hak Pihak Penganjur

26. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran royalti atau pampasan kepada Pemenang/Peserta. Peserta/Pemenang tidak

mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap bahan tersebut.

27. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, membatalkan, menamatkan, mengubah suai, atau menggantung Peraduan ini.
28. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.
29. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknyanya.
30. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang <https://ketchupps.com/contest/myNEWS> atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
31. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di <https://ketchupps.com/contest/myNEWS> akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang percanggahan terhadap versi Bahasa Melayu, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
32. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
33. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini.

34. Pihak Penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atas sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

35. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak Penganjur dan agensinya dari sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
36. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.
37. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.
38. Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan / atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan para peserta kami untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Perlindungan Data

39. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("**Data Peribadi**") untuk tujuan menjalankan

Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

40. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain dari cara yang dinyatakan di sini.
41. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur melalui laman sesawang yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
42. Sebarang isu perlindungan data bersama Penganjur, aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman sesawang pihak Penganjur di <https://ketchupps.com/contest/myNEWS>.
43. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data dari pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
44. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]